



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/12/88 (HQ)

### BANTUAN PERSEKOLAHAN TNB MELALUI PROGRAM BACK TO SCHOOL DITERUSKAN

- Lebih 30,000 murid terima kelengkapan sekolah sejak 2013 berjumlah RM6.2 juta

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan lagi program Back To School untuk tahun keenam berturut-turut sempena agenda besarnya dalam bidang pendidikan dalam usaha membantu negara melahirkan modal insan berkualiti.

Nilainya mungkin kecil untuk sesetengah keluarga tetapi amat besar maknanya kepada para ibu bapa penerima bantuan keperluan persekolahan melalui Program Back To School itu, yang sudah dinikmati lebih 25,000 murid berusia tujuh hingga 12 tahun, sejak diperkenalkan pada 2013.

Kali ini, lebih 5,000 lagi murid di seluruh Semenanjung dan Sabah, telah dikenalpasti untuk menerima bantuan berkenaan yang merupakan satu daripada pelbagai inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) TNB dalam bidang pendidikan sejak sekian lama.

“Bantuan kelengkapan sekolah ini merupakan sebahagian agenda besar TNB dalam bidang pendidikan, terutamanya untuk golongan kurang berkemampuan,” kata Pengurus TNB, Tan Sri Leo Moggie.

Beliau turut merujuk kepada pelbagai inisiatif TNB termasuk memberi tajaan, bantuan dan sokongan seperti dermasiswa, biasiswa dan pinjaman boleh ubah kepada para pelajar, sejarar komitmen memperkasakan pendidikan generasi pewaris serta membangunkan modal insan negara.

“Sebagai *Good Corporate Citizen* (Warga Korporat Prihatin), kami mencerahkan bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk bantuan pelajaran, atas keyakinan bahawa ia boleh membawa perubahan kepada kehidupan rakyat, termasuk mobiliti menegak dalam jangka panjang,” kata Moggie lagi.

Bagi Program Back To School, ia sedang rancak dilaksanakan di 25 lokasi bermula di Kempas, Johor baru-baru ini, yang disempurnakan oleh Menteri Besar Johor, YAB Dato’ Osman Sapian, dengan 200 murid menerima kelengkapan pakaian sekolah, beg dan alat tulis bernilai RM200 seorang.

“Bantuan ini dapat meringankan beban disebabkan kesempitan hidup keluarga masing-masing, apabila bermula sesi baru persekolahan awal Januari 2019,” kata Moggie.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 26 Disember 2018, jam 10.30 pagi**

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha’ary (019-3369681) /  
Fazreen Eksan (019-3160401) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)